

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1995/96

April 1996

SPW202 - Perhubungan Antarabangsa

Masa: [3 Jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA (3) soalan semuanya.

1.
  - i) Apakah maksud "dasar luar"?
  - ii) Bincangkan sumber-sumber dasar luar.
  - iii) Analisis dasar luar DUA negara - sebuah Kuasa Besar dan sebuah Kuasa Kecil - dengan menerangkan sumber-sumber dasar luarnya, matlamat-matlamat utama dan usaha-usaha masing-masing untuk mencapai matlamat tersebut.

(100 markah)

2.
  - i) Bincangkan proses penyiaran nukliar sebelum dan selepas tamatnya Perang Dingin.
  - ii) Apakah tujuan-tujuan Triti Tidak-Penyiaran Nukliar (Non-Proliferation Treaty)?
  - iii) Ulaskan kontroversi yang timbul mengenai soal samada Triti itu harus dilanjutkan atau tidak selepas tahun 1995.
  - iv) Nilai berkesan Triti tersebut dalam mencegah penyiaran nukliar.

(100 markah)

...2/-

3. Jawab kedua-dua soalan berikut:

- a) Kenapa Jessica T. Mathews menghujahkan bahawa “keselamatan nasional” harus didefinisikan semula? Apakah definisi baru beliau? Pada pendapat anda, dapatkah definisi baru itu disambut baik oleh negara-negara?

(50 markah)

- b) Bincangkan alasan-alasan yang boleh mendorong sesebuah negara Dunia Ketiga ke arah memperolehi teknologi peluru berpandu (ballistic missiles).

(50 markah)

4. i) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah dikritik sebagai “tidak berkesan” dalam melaksanakan tanggungjawab-tanggungjawabnya. Ulas kritikan-kritikan itu.

- ii) Kenapakah kritikan-kritikan tersebut dianggap “tidak wajar” oleh beberapa pemerhati?

- iii) Bincangkan cadangan-cadangan yang dikemukakan bagi reformasi PBB. Pada pendapat anda, dapatkah cadangan-cadangan itu disambut baik oleh ahli-ahlinya? Berikan alasan-alasan untuk menyokong pendapat anda.

(100 markah)

5. Jawab kedua-dua soalan berikut:

- a) Apakah “konflik”? Kenapakah konflik-konflik yang muncul selepas tamatnya Perang Dingin dikatakan mungkin lebih “merbahaya” terhadap kestabilan antarabangsa daripada konflik Timur-Barat?

(50 markah)

- b) Apakah “perang”? Bincangkan asal-usul perang di Bosnia dan reaksi antarabangsa terhadap perang tersebut.

(50 markah)